

# Mara disaran bangun modul khas Kepemimpinan Pak Lah

UTUSAN MALAYSIA 17 JUL 2025 m/s: 3

Oleh HASIF IDRIS

utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Majlis Amanah Rakyat (Mara) disaran membangunkan satu modul khas Kepemimpinan Pak Lah untuk diterapkan kepada pelajar agar nilai kesederhanaan, hikmah dan kepemimpinan beretika dapat diwarisi oleh generasi pelapis negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, modul berkenaan boleh diterapkan di institusi seliaan Mara seperti Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Institut Kemahiran Mara (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) dan GiatMara.

“Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) sering menekankan pembangunan tidak boleh diukur hanya dengan angka dan infrastruktur, tetapi mesti bertunjangkan nilai ilmu, akhlak, integriti dan jati diri.

“Maka, dengan semangat itu, saya ingin mencadangkan beberapa pendekatan strategik agar Mara terus memartabatkan pemikiran Pak Lah dalam memperkukuh agenda Melayu dan bumiputera.

“Mara juga wajar melanjutkan legasi ini dengan membina gene-



**RUBIAH** Wang mewakili Ahmad Zahid Hamidi, merasmikan Simposium Pemikiran Tun Abdullah Ahmad Badawi di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Pengerusi Mara, Datuk Asyraf Wajdi.

rasi baharu Bumiputera yang bukan sahaja mahir secara teknikal, tetapi juga teguh daripada segi nilai dan moral,” katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Kemaajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang sempena Simposium Pemikiran Tun Abdullah Ahmad Badawi di sini, semalam.

Ahmad Zahid turut mencadangkan Mara memperluaskan program pendidikan di kawasan Koridor Ekonomi Wilayah yang merupakan warisan Abdullah.

Katanya, lebih banyak Pusat Latihan Bergerak Mara perlu ditubuhkan yang boleh mendekati komuniti pedalaman, menyediakan latihan teknikal dan digital terus ke akar umbi.

Selain itu, katanya, Mara boleh memperkenalkan satu program khas iaitu ‘Usahawan Islam Hadhari’ yang berteraskan konsep keusahawanan moden dengan nilai-nilai Islam seperti kejujuran, keadilan dan tanggungjawab sosial.

“Terakhir, saya menyarankan

Mara melalui Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) menggalakkan kajian terhadap pemikiran dan corak kepemimpinan Pak Lah.

“Kajian ini dapat menyemarakkan semula idea, dasar dan gagasan besar beliau.

“Secara tidak langsung, penerbitan kajian ini boleh menjadi rujukan generasi muda agar tidak lupa kepada jasa dan sumbangan pemimpin yang meletakkan kesederhanaan, kasih sayang dan nilai sebagai teras pembinaan bangsa,” katanya.